

Martabatkan seni silat cekak

■ ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia cawangan Universiti Malaysia Pahang (UMP), mempunyai visi untuk memartabatkan seni silat itu ke tahap terbaik dan merangkul pencapaian cemerlang.

Sejak ditubuhkan pada 2004, sehingga kini dengan 350 ahli yang adalah penuntut UMP, bagaimanapun mereka masih ketinggalan berbanding persatuan lain.

Penolong Penyelia Kelas Latihan Seni Silat Cekak Malaysia UMP, Jefri Jaafar Tukimin, yang juga jurulatih, mengakui mereka masih belum mampu meraih pencapaian terbaik memandangkan usia mentah persatuan itu.

"Kami adalah wakil negeri untuk Pertandingan Seni Bela Diri Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di



Jefri (putih, berdiri tengah) bersama sebahagian pesilat UMP pada sesi demonstrasi sempena Ulang Tahun Kemerdekaan ke-51 di Kuantan Parade.

Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Gombak tahun lalu, namun gagal meraih sebarang keputusan terbaik.

"Namun kami kini mengorak langkah lebih jauh dalam usaha merealisasikan hasrat ini dengan mewujudkan jawatankuasa persatuan yang seratus-peratus di kalangan penuntut UMP ini sendiri.

"Dari jawatan tertinggi, Yang Dipertua sehinggalah Ahli Jawatankuasa (AJK), se-

muanya penuntut sendiri menguruskan bagi memberi pendedahan dan mendapatkan pengalaman," katanya kini terdapat lima jurulatih yang terdiri daripada jurulatih negeri dan kakitangan UMP sendiri.

Jefri berkata, selain itu persatuan turut mengadakan jelajah di pelbagai negeri seperti Melaka tahun lepas dan Oktober nanti, mereka berhasrat untuk menjelajah ke Kedah mendapatkan bimbing-

an jurulatih berpengalaman.

"Kami turut merancang untuk bertemu dengan Guru Utama Silat Cekak Malaysia di Bukit Mertajam dalam jelajah itu nanti bagi mendapatkan ilmu baru buat ahli," katanya.

Menurutnya, persatuan turut bekerjasama dengan Kelab Budaya UMP untuk mengadakan persembahan di majlis seperti konvokesyen, makan malam.

Katanya, persatuan ini juga

mengambil bahagian melakukan demonstrasi sempena bulan kemerdekaan anjuran Majlis Seni Bela Diri (MSBD) Pahang di Ruang Legar Kuantan Parade, Ahad lalu.

Mengulas komitmen penuntut UMP itu sendiri, Jefri berkata, setakat ini kehadiran mereka pada tahap memuaskan sepanjang latihan yang dijalankan setiap hari Isnin dan Selasa bermula jam 9 sehingga 11 malam.